KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	26/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	JMG			

Tiada runtuhan baharu di Gunung Jerai

Sinar 26 Okt 2021_26

ALOR SETAR - Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) tidak mengesan sebarang kejadian runtuhan baharu di sekitar kawasan Gunung Jerai selepas hujan lebat dalam tempoh tiga jam pada Rabu.

Pengarah JMG Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Abdullah Sulaiman berkata, pihaknya ada melakukan pemantauan di cerun-cerun berisiko sepanjang jalan ke puncak Gunung Jerai.

"Bagaimanapun hasil pemantauan awal yang dibuat didapati tiada runtuhan baharu di lokasi seperti jalan ke puncak Gunung Jerai, Sungai Titi Hayun, Sungai Batu Hampar dan Tupah.

"Hanya berlaku kejadian hakisan tanah pada cerun dan tebing sungai akibat aliran air deras disebabkan hujan lebat," katanya pada Isnin.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan perubahan struktur tanah di tiga lokasi peranginan di Yan termasuklah Titi Hayun, Seri Perigi serta Batu Hampar menyebabkan ia tidak selamat dikunjungi.

Exco Bekalan Air, Sumber Air, Tenaga dan Kerja Raya, Datuk Suraya Yaacob berkata, kejadian kepala air pada 18 Ogos lepas dan banjir kilat pada 20 Oktober lalu yang melanda kawasan terbabit telah memberi kesan terhadap struktur tanah dan aliran sungai.

Hujan lebat yang berlaku itu turut menyebabkan tanah runtuh di Kilometer 48.4 Jalan Tanjung Jaga mengakibatkan laluan Tanjung Jaga ke Tanjung Dawai ditutup sementara waktu.